# MINIT MESYUARAT
# JAWATANKUASA KUALITI
# UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JKK UPM)
# KALI KE-38

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 6 Februari 2018 (Selasa) |
| Masa | : | 9.00 Pagi |
| Tempat | : | Dewan Senat, Tingkat 1, Bangunan Canselori Putra, Universiti Putra Malaysia (UPM) |
| Kehadiran | : | **Lampiran A** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| **Minit 38.0** | **Kata Aluan Pengerusi**<br><br>Pengerusi:<br><br>(a) memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya merakamkan ucapan terima kasih atas kehadiran Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) EMS, TWP ISMS, TWP Peneraju Proses (PP) dan TWP Pusat Tanggung Jawab (PTJ) serta wakil yang hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-38 ini;<br><br>(b) merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan tiga (3) ahli mesyuarat yang baharu seperti berikut:<br>(i) DSP/PB Ahmad Razei Abu Bakar selaku TWP PP Bahagian Keselamatan Universiti berkuatkuasa pada 27 Disember 2017;<br>(ii) Encik Mohd Fuad Mahmood selaku TWP PP Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset berkuatkuasa pada 25 Januari 2018; dan<br>(iii) Cik Norzaina Darus sebagai Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU) berkuatkuasa pada 19 Januari 2018. | **Makluman**<br><br>**Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (c) merakamkan ucapan terima kasih di atas khidmat dan sumbangan mantan ahli mesyuarat iaitu:<br><br>(i) Dr. Haji Latif Anwar, Mantan TWP PP Bahagian Keselamatan Universiti yang bersara wajib bermula 14 Disember 2017;<br>(ii) Tuan Haji Nizan Jaafar, Mantan TWP PP Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset yang telah bercuti untuk bersara wajib bermula 7 Februari 2018; dan<br>(iii) Encik Fahmi Azar Mistar, Mantan PKPU Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi yang telah berpindah PTJ ke Bahagian Hal Ehwal Pelajar bermula 25 September 2017. | **Makluman** |
| **Minit 38.1** | **Pengesahan Minit Mesyuarat JKK Kali ke-37** | |
| | Minit Mesyuarat JKK Kali ke-37 yang telah diadakan pada 14 Disember 2017 disahkan tanpa sebarang pindaan. | **Makluman** |
| **Minit 38.2** | **Perkara-perkara Berbangkit**<br>Mesyuarat mengambil maklum dan meneliti Status Tindakan Susulan Mesyuarat JKK Kali ke-37 seperti mana pada **Lampiran Agenda 3.0** yang telah dibentang. Mesyuarat seterusnya mengambil perhatian terhadap perkara berikut: | |
| | (a) <u>Minit 37.3</u> – mengambil maklum Mesyuarat Jawatankuasa *Task Force* Pemantapan Dokumentasi QMS UPM telah diadakan pada 11 Januari 2018 bagi membincangkan mengenai kaedah pemantapan dokumentasi QMS UPM. | **Makluman** |
| | (b) <u>Minit 37.4</u> – mengambil maklum kesemua OFI Audit SIRIM QMS dan EMS tahun 2017 telah diberi maklum balas pelan tindakan kepada pihak CQA. | **Makluman** |
| | (c) <u>Minit 37.6 (b)</u> – mengambil maklum cadangan penambahbaikan pelaksanaan HKIP tahun 2018 telah dibawa untuk pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Induk HKIP 2018 Kali Pertama yang diadakan pada 26 Januari 2018. | **Makluman** |
| | (d) <u>Minit 37.6 (d)</u> – mengambil maklum bahawa cadangan menggabungkan Anugerah Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran bersama dengan Anugerah HKIP yang lain telah dipersetujui semasa Mesyuarat Jawatankuasa Induk HKIP Kali Pertama pada 26 Januari 2018. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| **Minit 38.3** | **Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2015** | |
| | **38.3.1 Laporan Pencapaian Objektif Kualiti** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum tiga (3) jenis objektif kualiti yang akan menterjemahkan pencapaian yang dihasratkan menerusi Sistem Pengurusan Kualiti adalah sepertimana berikut: | |
| | **(a) Laporan Pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI) Tahun 2017** | |
| | Mesyuarat: | |
| | (i) mengambil maklum laporan pencapaian KPI tahun 2017 adalah sepertimana **Lampiran Agenda 4.1.1** yang dibentang. Laporan ini merujuk kepada pembentangan semasa Bengkel Penilaian Pencapaian KPI Suku Keempat (Q4) Tahun 2017 yang telah diadakan pada 16 Januari 2018. | **Makluman** |
| | (ii) mengambil maklum pencapaian keseluruhan KPI Q4 tahun 2017 adalah sebanyak 84.7% iaitu dengan 19 KPI mencapai sasaran melebihi 100%, empat (4) KPI mencapai sasaran sebanyak 75–99% dan sembilan (9) KPI berada pada tahap pencapaian 0-74%. Pecahan pencapaian bagi setiap komponen yang dinilai adalah seperti berikut: | **Makluman** |

| Komponen | Pencapaian (%) |
|---|---|
| Akademik & Antarabangsa | 92.3 |
| Penyelidikan & Inovasi | 75.4 |
| Hal Ehwal Pelajar & Alumni | 100.0 |
| Jaringan Industri & Masyarakat | 100.0 |
| Sumber Manusia | 89.1 |
| Pengurusan Kewangan | 75.7 |
| Perkhidmatan Perpustakaan & ICT | 75.0 |
| Pertanian | 70.0 |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (iii) mengambil perhatian bahawa 13 KPI tahun 2017 yang tidak mencapai sasaran akan dibuat penambahbaikan dan elemen penambahbaikan akan | **Makluman** |

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td>diambilkira dalam penetapan sasaran KPI tahun 2018. 13 KPI yang terlibat adalah seperti berikut:<br><br>
<table>
<tr><th>Bil</th><th>KPI</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Bilangan Pascasiswazah Antarabangsa</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Bilangan Program yang Mendapat Akreditasi Antarabangsa</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Bilangan Pelajar Inbound</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Penerbitan dalam Jurnal Berindeks</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>Peratusan Penerbitan di dalam Q1 & Q2</td></tr>
<tr><td>6.</td><td>Sitasi dalam tempoh 5 tahun</td></tr>
<tr><td>7.</td><td>Jumlah Geran Penyelidikan</td></tr>
<tr><td>8.</td><td>Pendapatan daripada Pengkomersilan Produk, Technology Know-How, Perkhidmatan Makmal, Inisiatif Edupark, dll</td></tr>
<tr><td>9.</td><td>Bilangan Staf yang Terlibat Dalam Projek Penyelidikan Secara Bersama</td></tr>
<tr><td>10.</td><td>Bilangan Staf Terlibat Dengan Komuniti</td></tr>
<tr><td>11.</td><td>Peratus Staf Akademik Antarabangsa</td></tr>
<tr><td>12.</td><td>Peratus Tenaga Akademik dengan Pengalaman Industri</td></tr>
<tr><td>13.</td><td>Best Global Universities Ranking by U.S. News & World Report</td></tr>
</table>
<br>(iv) mengambil maklum pengurusan universiti bersetuju untuk mengekalkan 32 KPI UPM untuk penilaian tahun 2018 dengan cadangan penambahbaikan berikut:<br><br>
• Penetapan sasaran 2018 yang lebih kompetitif dan relevan (KPI berkaitan ranking, MyRA dan KPT tidak boleh digugurkan); dan<br><br>
• Penambahbaikan KPI yang relevan atau penguguran KPI yang tidak lagi relevan.<br><br>
(v) meminta semua ahli mesyuarat mengambil perhatian berhubung:</td><td><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>Makluman<br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>Makluman</td></tr>
</table>

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | • Pencapaian KPI UPM tahun 2017 sepertimana yang telah dibentang dalam Bengkel Pencapaian KPI Q4 2017 pada 16 Januari 2018; dan<br>• Sasaran KPI UPM Tahun 2018 yang kini dalam proses tindakan, perlu mengambilkira penambahbaikan terhadap KPI tahun 2017 yang tidak mencapai sasaran, dan akan ditentukan pada Bengkel Penilaian KPI Q1 2018 pada 17 April 2018. | |
| | **(b) Laporan Pencapaian Pelan Fungsian dan Aras Tahun 2017**<br><br>Mesyuarat: | |
| | (i) mengambil maklum laporan pencapaian Pelan Fungsian dan Aras tahun 2017 adalah sepertimana **Lampiran Agenda 4.1.2** yang telah dibentang dan ianya merupakan pelaporan kali pertama menggunapakai Sistem Pelan Fungsian dan Aras Secara Atas Talian (e-LPFA). Taklimat penggunaan Sistem e-LPFA kepada semua TWP dan Timbalan Pegawai Kawalan Dokumen (TPKD) Peneraju Proses telah diadakan pada 13 Disember 2017 bagi membantu kelancaran penggunaan sistem ini. | **Makluman** |
| | (ii) mengambil maklum hasil pelaporan berkenaan, sebanyak 61 petunjuk prestasi mencapai sasaran manakala sembilan (9) lagi petunjuk prestasi tidak mencapai sasaran. Senarai petunjuk prestasi yang tidak mencapai sasaran adalah seperti berikut: | **Makluman** |

| Bil | Petunjuk Prestasi | Peneraju |
|---|---|---|
| 1. | Peratusan pendaftaran pelajar baharu dengan PNGK 3.5 ke program pengajian bacelor yang ditawarkan | Bahagian Kemasukan & Bahagian Urus Tadbir Akademik |
| 2. | Bilangan makmal yang diakreditasi (ISO 17025/ISO 15189) | Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) |

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td>
<table>
<tr><td>3.</td><td>Laporan keseluruhan penilaian prestasi pembekal 2 kali setahun – 95% ke atas</td><td>Pejabat Bursar</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Laporan keseluruhan penilaian prestasi pembekal 2 kali setahun – 50% (kurang memuaskan)</td><td>Pejabat Bursar</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>Peratusan staf yang menghadiri latihan 3 hari setahun untuk staf bukan akademik</td><td>Pejabat Pendaftar</td></tr>
<tr><td>6.</td><td>Jumlah penjimatan mengikut aktiviti kawalan kos</td><td>Pejabat Bursar</td></tr>
<tr><td>7.</td><td>Peratusan pelanggan mendapat rawatan</td><td>Pusat Kesihatan Universiti</td></tr>
<tr><td>8.</td><td>Menerima tempahan dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta iaitu 90 penggunaan bagi Dewan Besar dan Panggung Percubaan setahun</td><td>Pusat KKSSAAS</td></tr>
<tr><td>9.</td><td>Masa yang diambil untuk tindakan terhadap pelanggaran kontrak perkhidmatan staf</td><td>Pejabat Penasihat Undang-Undang</td></tr>
</table>
</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(iii) mengambil maklum bahawa cadangan untuk menggugurkan petunjuk prestasi berkaitan penilaian prestasi pembekal tidak dapat dilaksanakan memandangkan ianya merupakan salah satu keperluan dalam Standard MS ISO 9001:2015. Justeru peneraju diminta meneliti kembali penulisan berkaitan petunjuk prestasi penilaian prestasi pembekal bagi memastikan pengukuran dapat dilaksanakan dengan berkesan.</td><td>TWP Pej. Bursar</td></tr>
<tr><td></td><td>(iv) meminta Peneraju Proses/Ketua PTJ melaksanakan kawalan ketakakuran/ tindakan pencegahan/ penambahbahbaikan terhadap Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras yang tidak mencapai sasaran, serta mengambilkira elemen tersebut dalam</td><td>TWP TNCAA, TWP TNCPI, TWP PEND, TWP Pej. Bursar, TWP PKU, TWP PKKSSAAS,</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td>penetapan sasaran bagi tahun 2018.</td><td>TWP PPUU</td></tr>
<tr><td></td><td>(c) Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan Tahun 2017</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(i) Mesyuarat mengambil maklum laporan pencapaian piagam pelanggan bagi tempoh Januari hingga Disember 2017 yang merangkumi skop Perkhidmatan Utama iaitu Pra Siswazah, Pasca Siswazah dan Penyelidikan dan Inovasi serta Proses Sokongan adalah sepertimana pada Lampiran Agenda 4.1.3 yang telah dibentang.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(ii) Mesyuarat mengambil maklum sebanyak 148 piagam bagi skop proses utama dan proses sokongan yang telah diukur pada tahun 2017 yang melibatkan kategori proses pelaksanaan SPK di UPM seperti berikut:<br>• Proses Utama sebanyak 25 piagam pelanggan dengan 21 mencapai sasaran dan tiga (3) tidak mencapai sasaran manakala satu (1) untuk digugurkan; dan<br>• Proses Sokongan sebanyak 123 piagam melibatkan 33 PTJ dengan 85 mencapai sasaran, 30 tidak mencapai sasaran, dua (2) belum boleh diukur, dua (2) tidak menyatakan peratus pencapaian dan tiga (3) masih menunggu keputusan Mesyuarat PTJ manakala satu (1) untuk digugurkan.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(iii) Mesyuarat meminta Peneraju Proses/Ketua PTJ melaksanakan kawalan ketakakuran/ tindakan pencegahan/ penambahbahbaikan terhadap piagam pelanggan yang tidak mencapai sasaran.</td><td>TWP PTJ yang berkenaan (merujuk kepada Laporan Agenda 4.1.3)</td></tr>
</table>

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (iv) Mesyuarat mengambil perhatian berkaitan perkara yang masih berlaku seperti berikut:<br>• PTJ tidak menghantar laporan lengkap kerana masih menunggu pengesahan mesyuarat PTJ;<br>• Piagam pelanggan masih menggunakan bahasa yang tidak mempunyai pengukuran yang jelas seperti 'memberi perkhidmatan yang cepat, cekap dan memenuhi kepuasan pelanggan'; dan<br>• Piagam pelanggan dan kaedah pengukuran yang tidak jelas. | **TWP PP, TWP PTJ** |
| | (v) Mesyuarat mengambil maklum notis penghantaran laporan akan dihantar melalui emel oleh pihak Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (CoSComm) kepada Timbalan Penyelaras Kepuasan Pelanggan (TPKP) PTJ pada setiap akhir bulan dan laporan perlu dikemukakan dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh emel termasuk pelaporan bagi piagam pelanggan yang belum dapat diukur untuk tujuan rekod di CoSComm. | **Makluman** |
| | **38.3.2 Laporan Pemantauan Keberkesanan Penemuan Audit QMS Tahun 2017**<br>Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum laporan pemantauan keberkesanan penemuan audit QMS tahun 2017 adalah sepertimana **Lampiran Agenda 4.2** yang telah dibentang. Status penutupan penemuan Audit Dalaman QMS yang terkini boleh dirujuk melalui Portal CQA menggunakan peranan TWP/Timbalan Penyelaras Audit Dalaman (TPAD)/ Pegawai yang Bertanggungjawab (PYB) manakala bagi status tindakan penemuan Audit SIRIM QMS boleh dirujuk melalui Portal eISO di bawah pautan 'Audit SIRIM'. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (b) mengambil perhatian terhadap isu berulang dalam penemuan audit dalaman dan audit SIRIM QMS adalah sepertimana berikut: | **Makluman** |

| Audit Dalaman | Audit SIRIM |
|---|---|
| Rekod fail kursus, Penentukuran, Lap. Kemajuan Penyelidikan, Lap. Akhir penyelidikan, Buku Rekod Aktiviti Penyelidikan, Lap. Penilaian Prestasi Projek, Pengendalian Pel. Bermasalah, dokumen luput, alat pemadam api, label bahan Kimia, Bhn. Kimia Luput, Kebuk Wasap, Rancangan Pengajaran, Penyelenggaraan Alat Makmal, JKKP-PTJ, Tidak Ikut Prosedur, Pengurusan Aduan, Pemantauan Pencucian, Penyelenggaraan Infrastruktur, Tind. Pembetulan Tidak berkesan, Semakan Kurikulum program | Rekod fail kursus pengajaran, Penentukuran peralatan penyelidikan, Projek penyelidikan, Aduan pelanggan & Kawalan harta pelanggan berkaitan salinan kad pengenalan |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (c) mengambil maklum terhadap tarikh pelaksanaan Audit Dalaman dan Audit SIRIM QMS tahun 2018 sepertimana yang telah dimaklumkan dalam mesyuarat sebelum ini iaitu:<br>• Audit Dalaman pada 26 hingga 29 Mac 2018, 2 hingga 5 April 2018; serta<br>• Audit SIRIM pada 8 hingga 11 Mei 2018, 17 hingga 18 Mei 2018 dan 21 hingga 24 Mei 2018. | **Makluman** |
| | (d) meminta semua PTJ mengambil perhatian dan tindakan terhadap perkara berkaitan pelaksanaan audit dan dibawa untuk pemakluman PTJ masing-masing, iaitu:<br>(i) Keperluan pelaksanaan audit dalaman dan audit badan pensijilan; | **TWP PP, TWP PTJ** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (ii) Pelaksanaan audit dan pautan bagi tindakan penutupan penemuan audit;<br>(iii) Pelaksanaan semakan kendiri di PTJ dengan menyemak isu berulang penemuan audit dalaman dan SIRIM sebagai persediaan menghadapi audit supaya isu yang sama tidak berulang pada audit tahun 2018; dan<br>(iv) Tarikh Audit Dalaman dan Audit SIRIM tahun 2018. | |
| | **38.3.3 Laporan Kawalan Risiko Pengurusan Kualiti**<br>Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum laporan kawalan risiko pengurusan kualiti adalah sepertimana **Lampiran Agenda 4.3** yang telah dibentang dan ianya merupakan pelaporan kali pertama mengambilkira keperluan yang dinyatakan dalam Standard MS ISO 9001:2015 di bawah Klausa 6.1 (tindakan menyatakan risiko dan peluang). | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum berkaitan dokumen hasil Bengkel Penyediaan Dokumen Pihak Berkepentingan, Isu Dalaman dan Isu Luaran serta Penilaian Risiko PTJ pada 23 hingga 26 Januari 2018 dan meminta semua PTJ melaksanakan perkara berikut: | **Semua TWP PP, TWP PTJ, KB BPKP** |

| Tarikh | Tindakan |
|---|---|
| 1 – 27 Februari 2018 | Mendapatkan kelulusan Mesyuarat Pengurusan PTJ |
| 28 Februari 2018 | Penyerahan Dokumen yang telah diluluskan oleh Pengurusan PTJ kepada CQA |
| 5 Mac 2018 | Pemakluman ke Mesyuarat Pegawai Kanan oleh CQA |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (c) meminta semua TWP selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko PTJ mengambil perhatian dan tindakan berhubung kawalan risiko pengurusan kualiti mengikut aturan fasa yang ditetapkan dalam usaha memastikan keputusan SPK tercapai, iaitu: | **TWP PP, TWP PTJ** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (i) Sukuan Pertama (Q1) – pemantapan dokumen pihak berkepentingan, isu dalaman dan isu luaran serta penyataan risiko PTJ, pengenalpastian kawalan sediaada, pengenalpastian tahap risiko menggunakan Matriks Penilaian Risiko, dan pelaksanaan strategi tindakan; | |
| | (ii) Sukuan Kedua (Q2) – penilaian tahap risiko selepas pelaksanaan strategi tindakan (bagi risiko tahap sederhana dan tinggi) sama ada terima, pindah, kurangkan atau elak (pelaporan akan dibentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti pada 10 Julai 2018); | |
| | (iii) Sukuan Ketiga (Q3) – melaksanakan strategi tindakan secara berterusan; dan | |
| | (iv) Sukuan Keempat (Q4) – menilai tahap risiko (pelaporan akan dibentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti pertama tahun 2019). | |
| | (d) bersetuju supaya satu bengkel penyelarasan penulisan dokumen pihak berkepentingan, isu dalaman dan isu luaran serta penilaian risiko PTJ diadakan kepada semua TWP PTJ bagi membantu menyeragamkan penulisan dalam dokumen tersebut. | **KB BPKP** |
| | **38.3.4 Status Pelaksanaan Peralihan ISO 9001:2015** | |
| | Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum laporan status pelaksanaan peralihan ISO 9001:2015 adalah sepertimana **Lampiran Agenda 4.4** yang telah dibentang. | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum antara aktiviti peralihan yang telah/akan dilaksanakan pada tahun 2018 adalah: | **Makluman** |

| Tarikh | Aktiviti |
|---|---|
| 17-19 Januari 2018 | Awareness ISO kepada semua PTJ |
| 23 - 26 Januari 2018 | Bengkel Penyediaan Dokumen Pihak Berkepentingan, Isu Dalaman dan Isu Luaran serta Penilaian Risiko PTJ |

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td>
<table>
<tr><td>29-30 Januari 2018 (siri 1) dan 8 - 9 Februari 2018 (siri 2)</td><td>Kursus Juruaudit Dalaman PTJ</td></tr>
<tr><td>19-27 Februari 2018</td><td>Semakan kendiri QMS PTJ secara terancang yang diselaraskan oleh TWP PTJ sebagai persediaan pelaksanaan Audit Dalaman oleh PTJ masing-masing bermula tahun 2019</td></tr>
<tr><td>1-9 Mac 2018</td><td>Pelaksanaan pelan tindakan kawalan ketakakuran semakan kendiri PTJ</td></tr>
</table>
<br>
(c) mengambil perhatian perkara yang perlu diambil tindakan oleh semua TWP PTJ sebagaimana perancangan tindakan yang telah dibentangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-37 pada 14 Disember 2017 adalah seperti berikut:<br>
<br>
(i) Penghantaran maklum balas pelaksanaan semakan kendiri PTJ termasuk jadual semakan dan Pelan Tindakan Kawalan Ketakakuran Semakan Kendiri PTJ (bersama Pelan Tindakan NCR dan OFI) sebelum atau pada 12 Mac 2018;<br>
(ii) Kehadiran ke Mesyuarat Pembukaan Audit Dalaman QMS pada 26 Mac 2018 dan Mesyuarat Penutupan Audit Dalaman QMS pada 9 April 2018;<br>
(iii) Kehadiran ke Bengkel Pemurnian Pelan Tindakan Penemuan Audit Dalaman QMS pada 26 April 2018 (sekiranya penemuan Audit Dalaman berkait secara langsung atau tidak langsung dengan PTJ);<br>
(iv) Kehadiran ke Mesyuarat Pembukaan Audit SIRIM QMS pada 8 Mei 2018 dan Mesyuarat Penutupan Audit SIRIM QMS pada 24 Mei 2018;<br>
(v) Kehadiran ke Bengkel Pelan Tindakan Penemuan Audit SIRIM QMS pada 7 Jun 2018 (sekiranya penemuan Audit SIRIM berkait secara langsung atau tidak langsung dengan PTJ); dan
</td><td><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>TWP PP,<br>TWP PTJ</td></tr>
</table>

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (vi) Laporan Pemantauan Keberkesanan Pelaksanaan Ketakakuran pada 7 Julai 2018. | |
| | (d) meminta TWP menghebahkan mengenai takwim aktiviti/Tindakan ISO secara keseluruhan kepada semua ahli pengurusan dan ahli PTJ masing-masing. | **TWP PP, TWP PTJ** |
| | **38.3.5 Cadangan Perubahan Manual Kualiti QMS MS ISO 9001:2015** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum: | |
| | (a) cadangan pindaan dokumen Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2008 yang melibatkan Manual Kualiti (UPM/PGR/MK) adalah sepertimana **Lampiran Agenda 4.5** yang telah dibentang. | **Makluman** |
| | (b) perubahan ini mengambikira cadangan penambahbaikan hasil daripada Audit Pemantauan Semakan 2 SIRIM QMS tahun 2017 serta perubahan nama Pusat Sains Marin kepada Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik. | **Makluman** |
| | (c) bersetuju meluluskan cadangan pindaan Manual Kualiti (UPM/PGR/MK) untuk dikuatkuasakan pada tarikh 16 Mac 2018. | **PKD** |
| **Minit 38.4** | **Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013** | |
| | **38.4.1 Laporan Pencapaian Objektif ISMS Tahun 2017** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum: | |
| | (a) laporan pencapaian objektif ISMS bagi tahun 2017 dan cadangan penetapan objektif ISMS bagi tahun 2018 adalah sepertimana pada **Lampiran Agenda 5.1** yang telah dibentang. | **Makluman** |
| | (b) terdapat empat (4) objektif ISMS yang telah diukur pada tahun 2017 dan semua objektif ISMS berkenaan telah mencapai sasaran yang ditetapkan berdasarkan kepada pelaksanaan skop ISMS sedia ada, iaitu: | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (i) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Merangkumi Aktiviti Semakan Tawaran Hingga Pendaftaran Kolej Kediaman;<br>(ii) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat untuk Pengoperasian Pusat Data bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah; dan<br>(iii) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat untuk Pengoperasian Pusat Pemulihan Bencana bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah. | |
| | (c) bersetuju meluluskan penetapan objektif keselamatan maklumat beserta sasaran bagi tahun 2018 yang merangkumi empat (4) objektif sediaada dan penambahan dua (2) objektif baharu mengambilkira aktiviti perluasan skop penilaian pengajaran. | **TWP ISMS, Peneraju ISMS** |
| | **38.4.2 Laporan Pemantauan Keberkesanan Penemuan Audit ISMS Tahun 2017**<br>Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum laporan pemantauan keberkesanan penemuan audit QMS tahun 2017 adalah sepertimana **Lampiran Agenda 5.2** yang telah dibentang. Status penutupan penemuan Audit Dalaman ISMS yang terkini boleh dirujuk melalui Portal CQA menggunakan peranan TWP/Timbalan Penyelaras Audit Dalaman (TPAD)/ Pegawai yang Bertanggungjawab (PYB) manakala bagi status tindakan penemuan Audit SIRIM ISMS boleh dirujuk melalui Portal eISO di bawah pautan 'Audit SIRIM'. | **Makluman** |
| | (b) mengambil perhatian terhadap isu berulang dalam penemuan audit dalaman dan audit SIRIM ISMS adalah sepertimana berikut: | **Makluman** |

| Audit Dalaman | Audit SIRIM |
|---|---|
| Penggunaan ID & Kata Laluan, Dokumen tidak Dikemaskini | Pemulihan Risiko |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
| --- | --- | --- |
| | (c) mengambil maklum terhadap tarikh pelaksanaan Audit Dalaman dan Audit SIRIM ISMS tahun 2018 sepertimana yang telah dimaklumkan dalam mesyuarat sebelum ini iaitu:<br>• Audit Dalaman pada 17 hingga 19 Julai 2018; serta<br>• Audit SIRIM pada 26 Ogos 2018, dan 1 hingga 2 Oktober 2018. | **Makluman** |
| | (d) meminta semua PTJ mengambil perhatian dan tindakan terhadap perkara berkaitan pelaksanaan audit dan dibawa untuk pemakluman PTJ masing-masing, iaitu:<br>(i) Keperluan pelaksanaan audit dalaman dan audit badan pensijilan;<br>(ii) Pelaksanaan audit dan pautan bagi tindakan penutupan penemuan audit;<br>(iii) Pelaksanaan semakan kendiri di PTJ dengan menyemak isu berulang penemuan audit dalaman dan SIRIM sebagai persediaan menghadapi audit supaya isu yang sama tidak berulang pada audit tahun 2018; dan<br>(iv) Tarikh Audit Dalaman dan Audit SIRIM tahun 2018. | **TWP PP, TWP PTJ** |
| | **38.4.3 Laporan Kawalan Pelan Pemulihan Risiko Keselamatan Maklumat Tahun 2017**<br>Mesyuarat mengambil maklum: | |
| | (a) laporan kawalan pelan pemulihan risiko ISMS bagi semakan September 2017 adalah sepertimana **Lampiran Agenda 5.3** yang dibentang. Pemilihan kawalan dalam pemulihan risiko adalah berdasarkan cadangan kawalan keputusan penilaian risiko sama ada mengurangkan, memindahkan, menerima atau mengelakkan. | **Makluman** |
| | (b) terdapat sebanyak 853 aset telah dinilai dengan jumlah ancaman sebanyak 1282. Hasil penilaian mendapati tiada aset berisiko tinggi, 378 aset berisiko sederhana dan 904 aset berisiko rendah. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (c) mengambil perhatian berhubung bilangan tahap risiko dan punca dominan yang dikenapasti, kawalan sediaada dan pelan pemulihan risiko yang digunakan oleh peneraju ISMS dalam menyediakan perlindungan terhadap risiko berkenaan. | **Makluman** |
| | **38.4.4 Pelaksanaan Perluasan Skop ISMS Tahun 2018** | |
| | Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum laporan aktiviti perluasan skop ISMS tahun 2018 yang melibatkan skop penilaian pengajaran di bawah peneraju Pusat Pembangunan Akademik adalah sepertimana **Lampiran Agenda 5.4** yang dibentang. | **Makluman** |
| | (b) turut mengambil maklum aktiviti perluasan entiti bagi skop pendaftaran pelajar baharu prasiswazah ke UPM Kampus Bintulu telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2017 menerusi Audit Pemantauan Semakan 2 oleh pihak SIRIM pada 6 September 2017. | **Makluman** |
| | (c) meminta TWP mengambil perhatian berkaitan tarikh-tarikh aktiviti perluasan skop penilaian pengajaran yang akan mula dikuatkuasakan pada Mac 2018 di bawah peneraju Pusat Pembangunan Akademik dan turut melibatkan semua Fakulti di UPM Kampus Serdang dan Bintulu. | **TWP ISMS, TWP CADe, TWP PTJ (Fakulti)** |
| **Minit 38.5** | **Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) ISO 14001:2004** | |
| | **38.5.1 Laporan Pencapaian Objektif EMS Tahun 2017** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum: | |
| | (a) laporan pencapaian objektif EMS bagi tempoh Januari hingga Disember 2017 adalah sepertimana **Lampiran Agenda 6.1** yang telah dibentang. | **Makluman** |
| | (b) objektif EMS dibangunkan hasil daripada penilaian aspek impak alam sekitar yang signifikan iaitu:<br>(i) Tujuh (7) objektif EMS UPM (Tahun 2013 hingga 2016); dan<br>(ii) Empat (4) objektif EMS UPM (bermula Julai 2017). Penambahbaikan objektif berdasarkan kepada perkara berikut: | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | • Terpakai kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling sahaja; dan<br>• Penilaian impak (kebarangkalian berlaku pencemaran, darjah kerosakan kepada alam sekitar dan kepentingan kepada organisasi) adalah 'H' (tinggi/*high*). | |
| | (c) sebanyak tiga (3) objektif EMS mencapai sasaran yang ditetapkan manakala baki tiga (3) objektif lagi yang tidak mencapai sasaran beserta punca dan tindakan pembetulan adalah seperti di **Lampiran B**. | **Makluman** |
| | (d) meminta tindakan pembetulan yang telah dikenalpasti bagi objektif yang tidak mencapai sasaran dilaksanakan oleh Peneraju EMS bagi memastikan objektif EMS pada masa akan datang dapat dicapai. | **TWP EMS, Peneraju EMS (TWP BHEP, TWP FSTM, TWP PNC)** |
| | **38.5.2 Laporan Penilaian Kepatuhan Perundangan Tahun 2017** | |
| | Mesyuarat:<br>(a) mengambil maklum laporan penilaian kepatuhan perundangan EMS bagi tahun 2017 adalah sepertimana **Lampiran Agenda 6.2** yang dibentang. | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum penilaian kepatuhan perundangan telah dilaksanakan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Kepatuhan (JKPK) Bil 1/2017 pada 2 Jun 2017 bagi penilaian fasa 1 (pelepasan pencemar udara dari enjin diesel dan premis), fasa 2 (pengurusan bahan kimia dan sisa terjadual) dan fasa 3 (pengendalian bahan beracun serta bahan radioaktif dan radas sinaran). Manakala fasa 4 penilaian (pengurusan kumbahan, penjimatan elektrik dan keperluan lain dalam daftar perundangan) ditangguhkan bagi memberi ruang semakan semula senarai undang-undang dan keperluan lain yang berkaitan hasil daripada laporan peluang penambahbaikan (OFI) audit SIRIM EMS tahun 2017. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (c) mengambil maklum penetapan penilaian kepatuhan yang menyeluruh berdasarkan undang-undang dan keperluan lain yang terpakai di UPM yang akan dilaksana mengikut fasa bagi tempoh tiga (3) tahun (2018-2020) akan dibawa ke mesyuarat JKPK Bil 1/2018 pada 20 Februari 2018 untuk kelulusan. | **TWP EMS** |
| | **38.5.3 Laporan Pemantauan Keberkesanan Penemuan Audit EMS Tahun 2017** | |
| | Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum laporan pemantauan keberkesanan penemuan audit QMS tahun 2017 adalah sepertimana **Lampiran Agenda 6.3** yang telah dibentang. Status penutupan penemuan Audit Dalaman EMS yang terkini boleh dirujuk melalui Portal CQA menggunakan peranan TWP/Timbalan Penyelaras Audit Dalaman (TPAD)/ Pegawai yang Bertanggungjawab (PYB) manakala bagi status tindakan penemuan Audit SIRIM EMS boleh dirujuk melalui Portal eISO di bawah pautan 'Audit SIRIM'. | **Makluman** |
| | (b) mengambil perhatian terhadap isu berulang dalam penemuan audit dalaman dan audit SIRIM EMS adalah sepertimana berikut: | **Makluman** |

| Audit Dalaman | Audit SIRIM |
|---|---|
| Tidak Ikut Prosedur (Penjimatan Elektrik, Kertas, Bahan Kimia, Sisa Terjadual), Pemantauan & Pengukuran bagi Kawalan Operasi (Penjimatan Kertas & Elektrik), Pelupusan e-Waste, Tempoh Simpanan Sisa, Tindakan Kecemasan, Simpanan Sisa Kimia & Tindakan Pembetulan Tidak Berkesan | Penilaian Kepatuhan, Daftar Undang-Undang dan Keperluan Lain yang berkaitan & Pengurusan Sisa Terjadual |

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td>(c) mengambil maklum terhadap tarikh pelaksanaan Audit Dalaman dan Audit SIRIM EMS tahun 2018 sepertimana yang telah dimaklumkan dalam mesyuarat sebelum ini iaitu:<br>• Audit Dalaman pada 23 hingga 26 Julai 2018; dan<br>• Audit SIRIM pada 3 hingga 5 September 2018.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(d) meminta semua PTJ mengambil perhatian dan tindakan terhadap perkara berkaitan pelaksanaan audit dan dibawa untuk pemakluman PTJ masing-masing, iaitu:<br>(i) Keperluan pelaksanaan audit dalaman dan audit badan pensijilan;<br>(ii) Pelaksanaan audit dan pautan bagi tindakan penutupan penemuan audit;<br>(iii) Pelaksanaan semakan kendiri di PTJ dengan menyemak isu berulang penemuan audit dalaman dan SIRIM sebagai persediaan menghadapi audit supaya isu yang sama tidak berulang pada audit tahun 2018; dan<br>(iv) Tarikh Audit Dalaman dan Audit SIRIM tahun 2018.</td><td>TWP PP,<br>TWP PTJ</td></tr>
<tr><td></td><td>38.5.4 Pelaksanaan Peralihan MS ISO 14001:2015<br>Mesyuarat:</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(a) mengambil maklum laporan pelaksanaan peralihan Standard MS ISO 14001:2015 adalah sepertimana Lampiran Agenda 6.4 yang telah dibentang.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(b) mengambil maklum antara aktiviti peralihan yang akan dilaksanakan pada tahun 2018 adalah:<br>
<table>
<tr><th><u>Tarikh</u></th><th><u>Aktiviti</u></th></tr>
<tr><td>10 – 12 April 2018, 20 April 2018,<br>3 Mei 2018</td><td>Awareness ISO 14001:2015 kepada semua PTJ</td></tr>
<tr><td>5-6 Jun 2018</td><td>Latihan Juruaudit Dalaman UPM/PTJ</td></tr>
<tr><td>25 – 27 Jun 2018</td><td>Semakan kendiri EMS PTJ/Peneraju</td></tr>
</table></td><td>Makluman</td></tr>
</table>

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (c) mengambil perhatian perkara yang perlu diambil tindakan oleh semua TWP PTJ/ Peneraju EMS sebagaimana perancangan tindakan yang telah dibentangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti ke-37 pada 14 Disember 2017 sepertimana berikut:<br>(i) mengenalpasti lima (5) hingga 20 nama pekerja PTJ yang terlibat dengan skop EMS untuk menghadiri slot *awareness* ISO 14001:2015;<br>(ii) mencadangkan lima (5) hingga 10 cadangan nama pekerja PTJ untuk menghadiri latihan juruaudit EMS; dan<br>(iii) menyelaras pelaksanaan semakan kendiri oleh TWP PTJ/Peneraju EMS. | **TWP PTJ (Fakulti), TWP PASP, TWP TPU, Peneraju EMS** |
| | (d) meminta TWP menghebahkan mengenai takwim aktiviti/Tindakan ISO secara keseluruhan kepada semua ahli pengurusan dan ahli PTJ masing-masing. | **TWP PP, TWP PTJ** |
| **Minit 38.6** | **Laporan Jawatankuasa *Task Force* Pemantapan Dokumentasi QMS MS ISO 9001:2015 UPM**<br>Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum laporan Jawatankuasa *Task Force* Pemantapan Dokumen QMS ISO 9001:2015 adalah sepertimana **Lampiran Agenda 7.0** yang telah dibentang. Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk meneliti keperluan dan kaedah pengurangan dan pemantapan dokumentasi ISO di UPM. | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum Mesyuarat Jawatankuasa *Task Force* Dokumentasi QMS ISO 9001:2015 yang diadakan pada 11 Januari 2018 telah bersetuju supaya satu kajian khusus berhubung pemantapan dokumentasi SPK UPM yang bertujuan untuk menyediakan dokumen rujukan yang mantap dalam kalangan warga UPM bagi mencapai pengurusan perkhidmatan berkualiti. Fokus pelaksanaan adalah terhadap dokumen/SOP proses utama iaitu Prasiswazah, Siswazah dan Penyelidikan dan Inovasi menggunakan kaedah *Value Stream Mapping* (VSM) dan Lean. | **Makluman** |
| | (c) mengambil maklum *proposal* berkaitan perkara ini telah dimajukan ke Pusat Pengurusan Penyelidikan | **Makluman** |

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td>(RMC) pada 29 Januari 2018 untuk proses permohonan peruntukan kewangan.</td><td></td></tr>
<tr><td>Minit 38.7</td><td>Laporan Keberkesanan Penggunaan Sistem Pengurusan Audit Dalaman<br><br>Mesyuarat:</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(a) mengambil maklum laporan keberkesanan penggunaan Sistem Pengurusan Audit Dalaman adalah sepertimana Lampiran Agenda 8.0 yang telah dibentang.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(b) mengambil maklum Sistem Pengurusan Audit Dalaman mula dibangunkan pada Disember 2016 dan telah digunakan pertama kali semasa audit dalaman tahun 2017. Transformasi proses audit dalaman yang dilaksanakan melalui sistem atas talian yang dipautkan di bawah PortalCQA ini melibatkan tiga (3) modul iaitu Pra Audit, Proses Audit dan Pasca Audit serta melibatkan peranan pengguna yang telah ditetapkan.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(c) mengambil perhatian cadangan penambahbaikan secara berterusan bagi Sistem Pengurusan Audit Dalaman adalah seperti berikut:<br><br><table><tr><th>Tempoh</th><th>Aktiviti Penambahbaikan</th></tr><tr><td>2017-2018</td><td>• Laporan penutupan penemuan audit<br>• Laporan keseluruhan</td></tr><tr><td>2018-2019</td><td>• Peranan TWP dan TPAD bagi PTJ yang mempunyai beberapa entiti (PNC, Pej. TNC, Kolej)<br>• Peranan KJAD bagi modul proses audit</td></tr></table></td><td>PAD</td></tr>
<tr><td>Minit 38.8</td><td>Laporan Penggunaan Sistem Pemantauan Pelaporan Pencapaian Pelan Fungsian dan Aras (e-LPFA)<br><br>Mesyuarat:</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(a) mengambil maklum laporan penggunaan Sistem Pemantauan Pelaporan Pencapaian Pelan Fungsian dan Aras (e-LPFA) adalah sepertimana Lampiran Agenda 9.0 yang telah dibentang. Sistem ini dibangunkan untuk memudahkan urusetia CQA dan peneraju proses melaksanakan pelaporan pencapaian pelan fungsian dan aras secara atas talian melalui PortalCQA.</td><td>Makluman</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td>(b) mengambil maklum bagi pelaporan tahun 2017, kesemua 70 petunjuk prestasi dalam e-LPFA telah berjaya dilengkapkan oleh semua peneraju proses mengikut tempoh masa yang ditetapkan.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(c) mengambil perhatian berhubung cadangan penambahbaikan secara berterusan bagi memantapkan proses pelaporan pelan fungsian dan aras secara atas talian di UPM sepertimana berikut:
<table>
<tr><th>Tempoh</th><th>Aktiviti Penambahbaikan</th></tr>
<tr><td>2017-2018</td><td>• Penyimpanan data yang telah diinput<br>• Bilangan dan format fail sokongan yang dimuatnaik<br>• Laporan format Pdf dan Excel</td></tr>
<tr><td>2018-2019</td><td>• Peranan Urusetia CQA<br>• Peranan TWP dan TPKD bagi PTJ yang mempunyai beberapa entiti (PNC, Pej. TNC, Kolej)<br>• Penetapan petunjuk dan sasaran baharu<br>• Akses untuk paparan kepada semua staf</td></tr>
</table></td><td>PKD</td></tr>
<tr><td>Minit 38.9</td><td>Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan UPM Tahun 2018<br>Mesyuarat mengambil maklum:</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(a) Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM tahun 2018 yang merupakan penganjuran kali keenam ini telah dijadualkan pada 2 November 2018 bertempat di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM. Perincian mengenai perancangan HKIP 2018 merangkumi objektif pelaksanaan, hadiah/anugerah, pengisian HKIP dan cadangan penambahbaikan HKIP UPM 2018 berdasarkan persetujuan mesyuarat post mortem HKIP 2017 adalah sepertimana Lampiran Agenda 10.0 yang telah dibentang.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(b) meminta semua TWP membuat perancangan awal supaya tidak berlaku pertindihan aktiviti di peringkat PTJ dengan tarikh HKIP 2018 bagi menggalakkan penyertaan semua pekerja semasa majlis berkenaan.</td><td>TWP PP,<br>TWP PTJ</td></tr>
<tr><td>Minit 38.10</td><td>Walk the Talk: Kumpulan Inovatif dan Kreatif<br>Mesyuarat:</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(a) mengambil maklum program Walk the Talk Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UPM akan</td><td>Makluman</td></tr>
</table>

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | diadakan pada 7 Mac 2018 dan 9 April 2018 melibatkan sesi perkongsian projek KIK oleh kumpulan projek tahun 2017 iaitu Langit Putra, FORR FLORA, iDETech dan Axon Force. Perincian mengenai pelaksanaan program *Walk the Talk* adalah sepertimana **Lampiran Agenda 11.0** yang telah dibentang. | |
| | (b) mengambil maklum program ini bertujuan: | **Makluman** |
| | (i) memberi panduan kepada kumpulan projek inovasi perkhidmatan dan kumpulan lain yang bercadang melaksana projek menggunakan pendekatan KIK; dan | |
| | (ii) latihan penilaian persembahan kumpulan projek. | |
| **Minit 38.11** | **Hal-hal Lain** | |
| | **38.11.1 Penggunaan Logo Pada Kepala Surat UPM** | |
| | Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum laporan penggunaan logo pada kepala surat UPM (letterhead) adalah sepertimana **Lampiran Agenda 12.1** yang telah dibentang. | **Makluman** |
| | (b) meminta TWP mengambil perhatian berhubung perkara berikut: | **TWP PP, TWP PTJ** |
| | (i) penggunaan logo SIRIM *Quality Award* yang boleh digunakan untuk tujuan publisiti dan promosi termasuk dalam laman sesawang bagi tempoh 3 tahun iaitu bermula 10 November 2017 hingga 10 November 2020; dan | |
| | (ii) contoh penggunaan logo SIRIM *Quality Award* pada kepala surat bersama-sama logo pensijilan ISO termasuk logo ISO 9001:2015 (versi baharu) dan PTJ boleh membuat tempahan di Penerbit UPM. | |
| | **38.11.2 Cadangan Pelantikan Fasilitator Amalan Persekitaran Berkualiti (5S/EKSA) di UPM** | |
| | (a) Mesyuarat mengambil maklum kertas cadangan pelantikan Fasilitator Amalan 5S/Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) UPM adalah sepertimana **Lampiran Agenda 12.2** yang telah dibentang. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
| --- | --- | --- |
| | (b) Mesyuarat meneliti senarai nama dan terma rujukan fasilitator 5S/EKSA dan seterusnya bersetuju dengan pelantikan 13 orang fasilitator 5S/EKSA UPM yang dicadangkan. | **KB BPKP, PKD** |
| | (c) Mesyuarat meminta semua TWP memastikan pelaksanaan 5S/EKSA di PTJ masing-masing dilaksanakan mengikut keperluan kriteria 5S/EKSA yang dipautkan dalam Portal eISO UPM. | **TWP PP, TWP PTJ** |
| | **38.11.3 Cadangan Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Secara Berasingan Mengikut ISO** | |
| | Mesyuarat meminta ahli mesyuarat memberi maklum balas kepada pihak CQA berkaitan cadangan samada untuk meneruskan pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti secara bersama bagi ketiga-tiga ISO (QMS, ISMS, EMS) seperti sediaada atau mesyuarat dibuat secara secara berasingan mengikut ISO. Perkara ini akan dipertimbangkan selepas mendapat maklum balas daripada ahli mesyuarat. | **Semua ahli** |
| | **38.11.4 Status Maklum Balas dalam Sistem U-Respons** | |
| | Mesyuarat meminta semua TWP membuat perbincangan dan semakan dengan Timbalan Penyelaras Kepuasan Pelanggan (TPKP) masing masing bagi memastikan tindakan telah diambil bagi semua maklum balas yang diterima oleh PTJ mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Kesemua maklum balas perlu diambil tindakan sebelum pelaksanaan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) tahun 2018. | **TWP PP, TWP PTJ** |
| **Minit 38.12** | **Penangguhan Mesyuarat** | |
| | Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua ahli mesyuarat yang hadir ke mesyuarat kali ini. | **Makluman** |
| | Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari dengan bacaan Tasbih Kaffarah dan Surah Al-Asr. | |

**Lampiran A**

**SENARAI KEHADIRAN**

Tarikh : 6 Februari 2018 (Selasa)
Masa : 9.00 Pagi
Tempat : Dewan Senat, Tingkat 1, Bangunan Canselori Putra, Universiti Putra Malaysia (UPM)

**Kehadiran**

| BIL. | NAMA | JAWATAN/PTJ |
|---|---|---|
| 1. | Prof . Dr. Amin bin Ismail | Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti/ Pengerusi Mesyuarat |
| 2. | Prof Madya Dr. Mohamad Amran bin Mohd. Salleh | TWP EMS/ Fakulti Kejuruteraan |
| 3. | Encik Mohd. Faizal bin Daud | TWP ISMS/ Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi |
| 4. | Encik Mohd. Nazri bin Md. Yasin | TWP (PP) Pejabat Naib Canselor |
| 5. | Tuan Haji Rosdi bin Wah | TWP (PP) Pej. TNC (Akademik dan Antarabangsa) |
| 6. | Encik Shahriman bin Hashim | TWP (PP) Pej. TNC (Penyelidikan dan Inovasi) |
| 7. | Encik Amiruddin bin Abd Aziz | TWP(PP) Sekolah Pengajian Siswazah |
| 8. | Tuan Haji Suhaifi bin Sulaiman | TWP (PP) Pusat Asasi Sains Pertanian |
| 9. | Puan Nor Adida binti Ab Khalid | TWP (PP) Pejabat Pendaftar |
| 10. | Puan Hajjah Izariahwati binti Mohd Isa | TWP (PP) Pejabat Bendahari |
| 11. | Encik Muzaffar Shah bin Kassim | TWP (PP) Perpustakaan Sultan Abdul Samad |
| 12. | Encik Ahmad Nizam bin Abdullah | TWP (PP) Pusat Pembangunan Akademik |
| 13. | Encik Rosmi bin Othman | TWP (PP) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi |
| 14. | Encik Mohd Khairul bin Zainal Abidin | TWP (PP) Pusat Kebudayaan dan Kesenian SSAAS |
| 15. | Encik Wan Mohd. Radzi bin Wan Ismail | TWP (PP) Pusat Islam |
| 16. | DSP/PB Ahmad Razei bin Abu Bakar | TWP (PP) Bahagian Keselamatan |
| 17. | Encik Mohd Junaidi bin Haji Yasin | TWP (PP) Kolej Kediaman |
| 18. | Encik Ludinata bin Misnun | TWP (PP) Fakulti Perubatan Veterinar |
| 19. | Tuan Haji Abdul Ghafar bin Othman | TWP (PP) Taman Pertanian Universiti |
| 20. | Encik Mohd Zamanu Al-Mohtadi bin Ekhwan | TWP (PTJ) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset |

| BIL. | NAMA | JAWATAN/PTJ |
|---|---|---|
| 21. | Tuan Haji Abd. Razak bin Ahmad | TWP (PP) Penerbit |
| 22. | Encik Mohd Sopian bin Mohd Zin | TWP (PTJ) Fakulti Perhutanan |
| 23. | Puan Zuraidah binti Ahmad | TWP (PTJ) Fakulti Pertanian |
| 24. | Encik Noor Mohamad bin Shakil Hameed | TWP (PTJ) Fakulti Kejuruteraan |
| 25. | Puan Zainaf binti Udin | TWP (PTJ) Fakulti Sains dan Teknologi Makanan |
| 26. | Encik Nasrudin bin Yahya | TWP (PTJ) Fakulti Ekologi Manusia |
| 27. | Puan Salinah binti Junid | TWP (PTJ) Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi |
| 28. | Tuan Haji Mohd. Aris Fadzillah bin Abdullah | TWP (PTJ) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan |
| 29. | Puan Wan Azma binti Wan Mohd Zin | TWP (PTJ) Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat |
| 30. | Puan Rina Mazni binti Musa | TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Alam Sekitar |
| 31. | Encik Sudirman bin Asmadi (secara v.c.) | TWP (PTJ) Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, UPMKB |
| 32. | Encik Mhd. Hussin bin Abd. Rahim | TWP (PTJ) Institut Biosains |
| 33. | Puan Nurul Hidayah binti Samadi | TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Matematik |
| 34. | Puan Wan Nahariah binti Wan Tahir | TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Produk Halal |
| 35. | Encik Zamre bin Yaacob | TWP (PTJ) Institut Pengajian Sains Sosial |
| 36. | Puan Sarah Salwah binti Adnan | TWP (PTJ) Institut Pertanian Tropika |
| 37. | Encik Mohd Faiz bin Zakaria | TWP (PTJ) Institut Kajian Perladangan |
| 38. | Cik Salmee Suhana binti Hashim | TWP (PTJ) Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa |
| 39. | Puan Noorizai binti Haji Mohamad Noor | Ketua Bahagian, Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan,<br>Pusat Jaminan Kualiti |
| 40. | Puan Nurhanisah binti Sadun | Ketua Bahagian, Bahagian Pengurusan Kualiti Akademik dan Akreditasi,<br>Pusat Jaminan Kualiti |
| 41. | Puan Shamriza binti Shari | Pegawai Kawalan Dokumen (PKD)<br>Pusat Jaminan Kualiti |
| 42. | Puan Rozi binti Tamin | Penyelaras Audit (PAD)<br>Pusat Jaminan Kualiti |
| 43. | Encik Muhazam bin Mansor | Pegawai Rekod Jabatan Universiti (PRJU) |
| 44. | Dr. Mohd Rafee bin Baharudin | Peneraju EMS, Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan |

**Turut Hadir**

| BIL. | NAMA | JAWATAN/PTJ |
|---|---|---|
| 1. | Encik Fahmi Azar bin Mistar | Wakil TWP (PP) Pej. TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) |
| 2. | Encik Haris bin Dahlan | Wakil TWP (PP) Pej. TNC (Jaringan Industri dan Masyarakat) |
| 3. | Cik Nur Fazrina binti Ismail | Wakil TWP (PP) Pejabat Pendaftar |
| 4. | Cik Siti Maryam binti Othman | Wakil TWP (PP) Pej. Penasihat Undang-Undang |
| 5. | Puan Rosiha binti Abdul Razak | Wakil TWP (PTJ) Fakulti Ekonomi dan Pengurusan |
| 6. | Encik Abdol Rahman bin Sharif | Wakil TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Pendidikan |
| 7. | Puan Norlida binti Zamberi | Wakil TWP (PTJ) Fakulti Sains |
| 8. | Puan Rozlinawati binti Abd Wahab | Wakil TWP (PTJ) Pusat Antarabangsa |
| 9. | Cik Syazaliyana binti Shamsudin | Wakil Penyelaras Latihan Staf (PLS) |
| 10. | Puan Siti Fatimah binti Abdul Samad | Wakil Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU) |
| 11. | Puan Nor Hayati binti Mohamad Darus | Kolej Mohamad Rashid |
| 12. | Encik Zulkifli bin Ibrahim | Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni |
| 13. | Puan Wan Suzaimas binti Wan Sulaiman | Pejabat Bursar |
| 14. | Prof. Dr. Rahinah binti Ibrahim | Fakulti Rekabentuk dan Senibina |

**Tidak Hadir (dengan kenyataan)**

| BIL. | NAMA | JAWATAN |
|---|---|---|
| 1. | Encik Nazri bin Noh | TWP (PP) Pej. TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) |
| 2. | Puan Siti Rozana binti Supian | TWP (PP) Pej. TNC (Jaringan Industri dan Masyarakat) |
| 3. | Tuan Haji Mohd. Nizan bin Jaafar | TWP (PP) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset |
| 4. | Encik Roslan bin Parjo | TWP (PP) Pusat Kesihatan Universiti |
| 5. | Encik Muhamad Adil bin Ahmad Tajuddin | TWP (PP) Pejabat Penasihat Undang-Undang |
| 6. | Encik Mustaffa bin Haji Dollah | TWP (PTJ) Fakulti Ekonomi dan Pengurusan |
| 7. | Encik Mohd Fauzi bin Abdul Karim | TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Pendidikan |
| 8. | Puan Fairuz Bawaze'er binti Muchtar | TWP (PTJ) Fakulti Sains |
| 9. | Tuan Haji Ab. Malek bin Simon | TWP (PTJ) Fakulti Rekabentuk dan Senibina |

| BIL. | NAMA | JAWATAN |
|---|---|---|
| 10. | Tuan Haji Amran bin Zakaria | TWP (PTJ) Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul |
| 11. | Encik Din bin Ayub | TWP (PTJ) Institut Teknologi Maju |
| 12. | Encik Mohd Nazri bin Mohd Nor | TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia |
| 13. | Puan Nor Baizura binti Zamri | TWP (PTJ) Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan |
| 14. | Cik Aidawati binti Ramali | TWP (PTJ) Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan |
| 15. | Puan Saliza binti Mustafa | TWP (PTJ) Pusat Antarabangsa |
| 16. | Cik Nor Azizah binti Tamsi | Penyelaras Latihan Staf (PLS) |
| 17. | Cik Norzaina binti Darus | Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU) |

**Lampiran B**

**TIGA (3) OBJEKTIF EMS TAHUN 2017 YANG TIDAK MENCAPAI SASARAN BESERTA PUNCA PENYEBAB DAN TINDAKAN PEMBETULAN**

| Bil | Objektif EMS | Punca Penyebab | Tindakan Pembetulan |
|---|---|---|---|
| 1. | Pemantauan pelepasan asap bas bahan bakar diesel | 2 buah bas di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan daripada keseluruhan 17 buah bas bahan bakar diesel di UPM tidak membuat pemeriksaan di PUSPAKOM kerana mengalami kerosakan yang teruk dan memerlukan kos pembaikan yang tinggi | Membuat semakan ke atas kenderaan sama ada ekonomi dibaiki atau perlukan pelupusan |
| 2. | Pengendalian kemudahan yang mencemar ke udara mengikut perundangan yang ditetapkan - *Boiler* | Kekangan kewangan iaitu perolehan diesel (dalam lingkungan RM30k setahun) yang di luar kemampuan kewangan fakulti di samping kos penyelenggaraan wajib setiap 18 bulan dengan kos sekitar RM11ribu. Semasa penyelenggaraan jika ada alatan untuk dibaikpulih, gantian alat ganti mencecah belasan ribu (tahun 2017: RM30k) | Mengemukakan kertas permohonan bajet untuk kelulusan pihak Pengurusan Universiti bagi cadangan penggunaan 'electric boiler'. |
| 3. | Pengendalian kemudahan yang mencemar ke udara mengikut perundangan yang ditetapkan – Kebuk Wasap | 1. Kurang kesedaran berkaitan keperluan bagi pematuhan Kualiti Alam Sekeliling Udara Bersih 2014 oleh PTJ<br>2. Tiada orang kompeten bagi sistem kawalan pencemaran | 1. Mengeluarkan Surat Arahan bagi Pematuhan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling Udara Bersih 2014 kepada semua PTJ terlibat:<br>i. Wajib patuh sepenuhnya bagi pemasangan kebuk wasap/kemudahan yang mencemarkan alam sekitar bermula 2014<br>ii. Wajib patuh bagi mana-mana kemudahan yang telah mempunyai Sistem Kawalan Pencemaran Udara seperti *Scrubber/ Water Spray/ Bag Filter* dan lain-lain.<br>2. Memohon penamaan cadangan orang kompeten daripada PTJ |